

1971

KUALA LUMPUR, 15 OKTOBER (BERNAMA) -- BAHASA MERUPAKAN SALAH SATU FAKTOR YANG MEMPUNYAI NILAI2 PENTING BAGI PERPADUAN NEGARA DEMIKIAN MENURUT DR. MAHATHIR BIN MOHAMED, BEKAS SAORANG ANGGOTA JAWATANKUASA KERJA PUSAT UMNO MALAYSIA HARI INI.

KATA-NYA: +PERASAAN KENEGERIAN DI-NEGERI2 DALAM MALAYSIA TELAH HAMPIR HAPUS. HINGGAKAN RAAYAT DI-NEGERI2 DI-MALAYSIA TIMOR PUN SEKARANG INI BERPERASAAN BAHAWA MEREKA MEMPUNYAI HAK DALAM MALAYSIA.+

+DAN PEMISAHAN DI-ANTARA BERBAGAI2 KAUM PUN TELAH SEMAKIN KURANG DALAM GOLONGAN BESAR MASHARAKAT, WALAU PUN IA TERDAPAT DI-GOLONGAN YANG KECIL,+ TAMBAH BELIAU.

GOLONGAN KECIL INI TERDIRI DARIPADA AHLI2 POLITIK CHAUBINIS YANG KURANG PENGAROH MEREKA APABILA PERPADUAN NEGARA BERTAMBAH PESAT.

TEGAS BELIAU LAGI, KAPADA MEREKA ITU, ADA-LAH MEMBUANG MASA SAHAJA CHUBA MEMUPOK MEREKA TENTANG PERPADUAN.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN KETIKA BERUCHAP KAPADA PERSATUAN MAHASISWA UNIVERSITI MALAYA MENGENAI +PERPADUAN NEGARA - DONGENG ATAU BENAR WUJUD.+ - BERSAMBONG 2315/BW

526:  
MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR BERKATA, BAHASA MELAYU BUKAN SAHAJA MENJADI BAHASA BAGI ORANG2 MELAYU TETAPI BAGI RAAYAT MALAYSIA YANG DI-FAHAMI OLEH KEBANYAKKAN RAAYAT MALAYSIA, TERMASOK ORANG2 ASLI.

IA JUGA MENJAGI BAHASA YANG DI-PERTUTORI OLEH ORANG2 CHINA DI-RUMAH2 MEREKA SAHINGGA LEWAT2 INI APABILA UGAMA CRISTIAN DAN CHAUBINIS CHINA MEMBUNOH BAHASA ITU, TAMBAH BELIAU.

+OLEH KERANA ITU BAHASA ITU ADA-LAH SESUAI BAGI MENJADI LUNAS BAGI PERPADUAN NEGARA,+ TEGAS-NYA.

+DARI BAHASA ITU AKAN TIMBUL LAIN KUALITI YANG MENGISI DAN MEMBENTOKKAN PERPADUAN NEGARA ITU, IA-ITU KEBUDAYAAN -- YANG TERMASOK NILAI2 DAN ADAT ISTIADAT.+

BELIAU TIDAK MENJANGKAKAN BAHAWA KEBUDAYAAN ITU MESTI-LAH TULIN KEBUDAYAAN MELAYU KERANA KEBUDAYAAN MELAYU ITU TIDAK LAGI MERUPAKAN TULIN.

KATA-NYA, KEBUDAYAAN MALAYSIA DI-MASA DEPAN AKAN BERDASARKAN ATAU BERTERASKAN KEBUDAYAAN MELAYU TETAPI IA AKAN MENYERAPKAN BANYAK KEBUDAYAAN2 CHINA, INDIA, IBAN, KADAZAN, DAN LAIN2 KAUM BUMIPUTERA. - BERSAMBONG 2338/BW

527:  
MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

BELIAU MENEKANKAN PENDAPAT-NYA BAHAWA PERPADUAN NEGARA YANG DI-ANGGAP SEBAGAI DONGENG ITU AKAN WUJUD KELAK.

PERPADUAN ITU PERLU DI-SEMAIKAN SAHINGGA MENJADI SUBOR DAN KUKOH. SAHINGGA ITU IA TIDAK BOLEH DI-BIARKAN MENERIMA SESUATU YANG BOLEH MEROSAKKAN-NYA. -- BERNAMA 2351/A